



SYARAT PERMOHONAN

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN
GRED JAWATAN	:	G29 (TETAP)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
SYARAT LANTIKAN		<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) Warganegara Malaysia;(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;(c) Diploma dalam bidang perikanan, sains nautika atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86).2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU		<ol style="list-style-type: none">3. Menjadi kelebihan kepada calon sekiranya mempunyai kemahiran berikut :<ol style="list-style-type: none">(a) Kultur udang galah/marin(b) Kultur plankton/penyediaan air hijau(c) Pembenihan(d) Penghasilan makanan formulasi (palet)(e) Mahir dalam pengendalian peralatan makmal seperti palletizer machine
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN		<ol style="list-style-type: none">4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perikanan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none">(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b) dan 1 (c); atau (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none">(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN		<ol style="list-style-type: none">5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN		<ol style="list-style-type: none">6. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN****PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN****PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN****PERGERAKAN GAJI TAHUNAN****KEPERLUAN KOMPETENSI DAN
POTENSI****KENAIKAN PANGKAT KE GRED G32**

7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
12. Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Perikanan Gred G32 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.